

A. Komitmen Bandaraya

Untuk menjadikan MBSP bandaraya yang Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandaraya Pintar dipacu oleh Teknologi menjelang tahun 2030.

- i. Seiring dengan Penang2030 *A Family-Focused Green and Smart State that Inspires the Nation*
 - ii. Menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon
 - iii. Menjadi sebuah bandaraya berdaya tahan
 - iv. Menjadi sebuah bandaraya inklusif, saksama, pembangunan berpaksikan rakyat
 - v. Menjadi sebuah bandaraya kompetitif dan pembangunan bandar pintar.
- 1) Pembersihan Premis Makanan
 - i. 70% premis makanan berada pada Gred A dan 30% berada pada Gred B pada tahun 2020.
 - ii. 50% pasar awam berada pada Gred A dan 50% lagi pada Gred B pada tahun 2020.
 - 2) Peluang Perniagaan
 - i. Garis Panduan Trak Makanan
 - ii. Garis Panduan Pusat Mencuci Kenderaan Sementara Secara Manual
 - iii. Garis Panduan Lesen Bertempoh
 - iv. Garis Panduan Permit Sementara Perniagaan
 - 3) Pembangunan Ekonomi Tempatan, Memberi Fokus Kepada Kumpulan Sasaran B40 dan M40
 - i. Membangunkan serta menaik taraf ruang pelbagai guna untuk tujuan perniagaan, rekreasi dan sukan, sosial, resepsi perkahwinan dan pelbagai acara seperti pencahayaan Dataran Pemuda Merdeka sebagai tempat santai keluarga dan menaiktaraf Taman Rekreasi Taman Tunku.
 - ii. Mengadakan program “Santai Pengusaha” bagi menemukan Institusi Kewangan, MARA, TEKUN, Amanah Ikhtiar, dan lain-lain yang menyediakan geran dan khidmat nasihat kewangan kepada golongan B40 untuk *food / service truck*.
 - iii. Mengadakan Hari Mesra Pelanggan setiap tiga (3) bulan dengan memberi penekanan “Anda Ada Masalah Kami Permudah”.

B. Perkhidmatan Pelanggan

- 1) MyMBSP apps akan dinaiktaraf menjadi *Cyber Counter*. Penduduk boleh melaksanakan transaksi yang pantas melalui *Cyber Counter* MyMBSP seperti permohonan lesen, pembayaran cukai dan kompaun kesalahan, pemeriksaan status kompaun kesalahan, tempahan kemudahan-kemudahan sukan dan komuniti, mendapatkan maklumat terkini dan menyemak program-program yang dilaksanakan, tempat-tempat menarik dan lokasi pusat pengumpulan bahan-bahan kitar semula. MyMBSP apps dibangunkan untuk pengguna telefon pintar Android dan iOS dan boleh dimuat turun melalui *PlayStore* dan *AppStore*.
- 2) Meningkatkan pengurusan aduan dan informasi melalui penubuhan *Call Center*.

1) *Institutional Reform*

- i. Menubuhkan Jabatan Warisan dan Pelancongan untuk memberi penumpuan kepada usaha-usaha mewujudkan Garis Panduan Pembangunan, Penyelenggaraan Bangunan Warisan. Jabatan ini juga akan bertanggungjawab kepada galakkan eko-pelancongan.
- ii. Menubuhkan Unit Perubahan Iklim dan Neutral Karbon (*Climate Change and Carbon Neutral Unit*) di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.
- iii. Menubuhkan Unit Keterangkuman Gender di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan.
- iv. Menubuhkan Unit Media dan Protokol di Jabatan Kemasyarakatan.
- v. Memperkenalkan Permainan Digital Hijau bagi menjuarai Piala Datuk Bandar.
- vi. Pertandingan di antara jabatan untuk memilih Anugerah Juara GRPB.

C. Penjenamaan Semula Kerja-Kerja Pembersihan Awam

- i. Memperluaskan skop pembersihan ke kampung-kampung yang mempunyai rezab laluan serta permukaan bertar tidak kurang dari 8 kaki.
- ii. Memperluaskan skop pembersihan ke pantai-pantai yang menjadi lokasi popular untuk beriadah.
- iii. Pelan Tindakan Pembersihan dan Pelan Tindakan Pemantauan Pembersihan oleh kontraktor supaya Seberang Perai Bersih.
- iv. Menstruktur semula zon pembersihan.
- v. Melantik kontraktor baru yang berwibawa untuk semua zon pembersihan.
- vi. Memantapkan pengurusan jabatan, *Business Proses Reengineering (BPR)* penyelenggaraan kenderaan di PUSKEB, menyediakan bajet pembelian kenderaan baru seperti *compactor* dan *backhoe*.

- vii. Mewujudkan sistem penyeliaan nisbah 1:10, satu penyelia bagi setiap 10 pekerja.
- viii. Memperkemaskan sistem demerit, menamatkan kontrak pembersihan selepas 25% pemotongan berturut-turut dan memasukkan klausa penamatan ini dalam perjanjian.
- ix. Menyediakan *standby team* pembersihan untuk mengambil alih kerja-kerja pembersihan daripada kontraktor yang ditamatkan.
- x. Mewujudkan senarai semak yang jelas bagi setiap lapisan pekerja.
- xi. Memberi latihan kepada penyelia dan pekerja mengenai kerja-kerja yang perlu dilaksanakan secara *hands on* berpandukan senarai semak tugas.
- xii. Mewujudkan sistem pemantauan pembuangan sampah haram yang berkesan.

D. Bandar Pintar

- 1) Integrasi Sistem *Video Analytic* dan CCTV.
 - i. Sistem CCTV ini akan dilengkapi dengan video analitik yang berupaya untuk melaksanakan pengiraan isipadu kenderaan, pengecaman kenderaan, pengecaman no plat kenderaan, mengesan pembuangan sampah haram, mengesan kenderaan yang diparkir di kawasan larangan.
 - ii. MBSP akan mempunyai 224 unit CCTV pada tahun 2020.
- 2) Smart Traffic Analytic
 - i. Pemantauan 100 persimpangan lampu isyarat melalui aplikasi Telegram dan menggunakan teknologi IoT.
- 3) Pemasangan *Greenwave* di Persimpangan Jalan Bukit Tambun, Jalan Bukit Minyak Dan Jalan Kebun Nenas menggunakan signal dan *radio frequency* (RF).
 - i. Bagi meningkatkan kelancaran aliran lalu lintas menggunakan signal dari Radio Frequency yang dihantar secara wireless untuk menyelaraskan masa di simpang-simpang lampu isyarat berdekatan untuk mewujudkan sistem *Greenwave*.
- 4) Pemasangan Lampu LED
 - i. Pemasangan Lampu LED di mana 1,531 unit telah dipasang sehingga Jun 2019 15, 000 akan dipasang secara berperingkat menjelang tahun 2022.

E. Strategi Ke Arah Bandaraya Rendah Karbon

- 1) Strategi 1: Pengangkutan Hijau- Pelaksanaan laluan basikal untuk mempromosi *cycle to work* dan pinjaman untuk pembelian basikal.
- 2) Strategi 2: Bangunan Hijau- Pembangunan Kompleks Komersil dengan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui, pengindahan pasar dengan *Vertical Landscape*, taraf hijau GBI Certified bagi bangunan kediaman dan perdagangan dalam *eco-city* Batu Kawan.
- 3) Strategi 3: Infrastruktur Hijau- Sumber tenaga elektrik dari tenaga yang diperbaharui khususnya tenaga solar di aset Bandaraya, dasar pengiklanan LED untuk pengurangan penggunaan plastik, kertas, penggantian lampu SON kepada LED.
- 4) Strategi 4: Penghasilan dan Penggunaan Mampan- Kadar Kitar Semula ditingkatkan kepada 70% dan Berat Sampah dikurangkan 50% perkapita pada tahun 2022. *Waste to Protein* - Sisa makanan digunakan untuk menternak *Black Soldier Fly* (BSF). Larva BSF mengandungi sumber protein yang tinggi dan dijadikan makanan untuk penternakan. *Waste to Compost* - Sisa makanan dijadikan baja kompos dan digunakan untuk pertanian dan perladangan. *Waste to Energy* - Sisa kebun / sisa makanan / sisa organik dijadikan sumber untuk tenaga / bahan bakar.
- 5) Strategi 5: Kehijauan dan Penyerapan- Penanaman semula pokok. Menggunakan sumber air asli untuk menyiram pokok bandaraya. Menambah *vertical landscape*, *pocket park*, *photography park* dan *community park*. Melancar *Cyber Counter* untuk menjadi Bandar Pintar. Menangani isu pengurusan sisa pepejal, kesesakan lalu lintas melalui *Smart Traffic Analytics & Recognition System*, jenayah & keselamatan melalui CCTV, kawalan banjir melalui sistem rumah pam sebagai *Seberang Perai Smart City*.

F. Kebajikan Kakitangan

Kategori	Kenaikan (RM)	Kadar Perbelanjaan Baharu (RM)
Kakitangan Bujang	150.00	400.00
Kakitangan Berkahwin	400.00	1000.00
Kakitangan Berkahwin (Suami dan Isteri Kakitangan MBSP)	800.00	1400.00

- 1) Kemudahan klinik panel MBSP dipanjangkan kepada ibu bapa kakitangan.
- 2) Perkhidmatan pembelian cermin mata (mengalami masalah penglihatan) di premis cermin mata.
- 3) Perkhidmatan perubatan di klinik pakar kanak-kanak.
- 4) Perkhidmatan pembelian cermin mata dan perkhidmatan perubatan di klinik pakar kanak-kanak merangkumi seluruh Negeri Pulau Pinang, bahagian Selatan Negeri Kedah (Kulim dan Sungai Petani) dan bahagian Utara Negeri Perak (Parit Buntar).

G. Peluang - Peluang Pemilikan Rumah dan Meningkatkan Kualiti Hidup.

- 1) Memperkenalkan “Skim Pemberian Nombor Rumah Kediaman Kampong” – kemudahan pemilikan alamat rumah dan keselesaan.
- 2) Mempromosi *housing democracy* dalam pemilikan rumah bagi setiap pekerja melalui program *match making* di antara institusi perbankan, pemaju perumahan dan pekerja.
- 3) Mengadakan Garis Panduan Rumah Sederhana Rendah supaya dapat memperbanyakkan bekalan rumah termampu dipasaran.
- 4) Mempromosikan Garis Panduan Pindaan dan Tambahan Rumah bagi memberikan ruang keselesaan kepada pemilik rumah.

- 5) Dokumen Panduan Pindaan dan Tambahan Kecil Rumah Kediaman untuk kelulusan serta merta.
- 6) Menyediakan Pelan Setara Rumah Sesebuah bagi membolehkan kelulusan segera untuk kemudahan pemilik rumah.

H. Kesejahteraan Bandar

- 1) Program pemandulan anjing dan pendidikan kepada pemilik haiwan kesayangan akan diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.
- 2) Menangani isu anjing liar dan penganiayaan binatang bersama agensi pertubuhan tempatan dan antarabangsa.
- 3) Skuad Krisis Pengendalian Wabak Denggi dalam usaha membendung wabak denggi.
- 4) Mengadakan program untuk mengukuhkan ikatan keluarga bagi menyokong *Penang2030 A Family-Focused, Green and Smart State that Inspires The Nation* seperti *Fun Walk*.
- 5) Mewujudkan Zon Budaya di sekitar *Butterworth Artwalk* bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti zumba, *busking*, kesenian dan kebudayaan.
- 6) Mengadakan Hari Warisan bagi memperkenalkan budaya dan warisan Seberang Perai serta menarik pelancong ke Seberang Perai.